

Kelab Pendidikan Labuan sertai STREET ARTS SHOWCASE



26 Februari – Kelab Pendidikan Labuan telah menyertai buat pertama kali Street Arts Showcase (SAS) pada 25 Februari 2017. Aktiviti anjuran Labuan Society ini mengumpulkan lebih 40 individu, persatuan, peniaga dan sekolah-sekolah dari seluruh Labuan. Kelab Pendidikan Labuan telah mempamerkan pelbagai hasil karya seni untuk tatapan masyarakat umum selaras dengan hasrat memperkenalkan Jabatan Pendidikan Labuan di mata masyarakat.

Pameran kali ini juga disertai oleh guru-guru inovatif yang mempamerkan hasil inovatif dan kreatif bahan bahan pendidikan. Antara guru-guru yang terlibat ialah Cikgu Suriani (SPA), Cikgu Hasnan (SKP1), Cikgu Shiela (SKK ST ANNE), Cikgu Tilla (SKK ST ANNE), Ustazah Dalilah (SK

MEMBEDAI), dan Cikgu Mohd Nizam (SPA).

Menurut penyelaras aktiviti Cikgu Suriani Oxley, antara inovasi alat pembelajaran yang dipamerkan termasuklah alat permainan Bahasa Inggeris 'REUGO' yang diperbuat dari kadbod, kalendar dan kertas terpakai, koleksi alat permainan Bahasa Inggeris yang diperbuat dari bekas botol air mineral, alat permainan Bahasa Melayu yang diperbuat dari bekas tin biskut dan alat permainan menulis jawi 'WAJHU' yang diperbuat dari bekas straw minuman serta 10 buah karya seni kakitangan jabatan pendidikan. Beliau berharap Kelab Pendidikan Labuan akan terus mendapat sokongan dalam penyertaan SAS yang akan diadakan setiap bulan.

**JPWPL, SK Bukit Kalam, SK
Sg Bedaun Raih Kemenangan
Kibar Bendera**



25 Februari – Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan (JPWPL) berjaya mendapat tempat kedua dalam pertandingan kibar bendera wilayah persekutuan yang telah diadakan sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan Tahun 2017.

Penilaian pertandingan anjuran Jabatan Penerangan Labuan ini telah dilaksanakan pada 13 hingga 18 Februari 2017. Hadiah telah disampaikan oleh Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor. JPWPL telah menerima plak, sijil dan hadiah wang tunai sebanyak RM1000.

Menurut penyelaras aktiviti, Encik Mohd Nizam Yasim, JPWPL telah memasang lebih kurang 300 bendera Wilayah Persekutuan dan bendera Malaysia pelbagai saiz di persekitaran bangunan JPWPL yang bertempat di Bukit Kalam.

Paling menarik ialah rekaan inovasi menggunakan 3 kipas siling terpakai. Semua kakitangan JPWPL termasuk PKP telah bertungkus lumus bagi menyahut cabaran mengibar bendera wilayah sebagai tanda semangat kecintaan kepada

Wilayah Persekutuan.



Sementara itu, Sk Bukit Kalam muncul sebagai johan dan Sk Sungai Bedaun naib johan bagi kategori sekolah dalam pertandingan kibar bendera Wilayah Persekutuan pada kali ini. Masing-masing menerima sijil, plak dan wang tunai sebanyak RM1500 dan RM1000. Syabas dan tahniah diucapkan.

Semoga kemenangan ini mampu menyuntik semangat seterusnya dalam pertandingan kibar bendera Malaysia dalam bulan kemerdekaan pada Ogos nanti.

**Waspada
Mencurigakan**

Individu



Labuan, 18 Februari – Murid-murid disaran agar menunggu ibu bapa di dalam kawasan pagar sekolah selepas sesi persekolahan atau kegiatan kokurikulum berakhir.

Pengarah Jabatan Pendidikan WP Labuan, Encik Raisin Saidin berkata pihaknya telah mengarahkan Pengetua dan Guru Besar supaya memastikan ibu bapa menjemput anak mereka masing-masing apabila sudah sampai ke sekolah.

Selain itu, katanya bagi murid-murid yang menaiki kenderaan awam secara berkumpulan pihak sekolah dikehendaki memaklumkan kepada pegawai keselamatan sekolah supaya membuat pemantauan.

“Demikian juga guru bertugas minggu itu juga dikehendaki membuat pemantauan di tempat-tempat bas sekolah menunggu murid balik dari sekolah” katanya dalam satu kenyataan kepada media kelmarin.

Beliau berkata demikian ketika mengulas viral kes percubaan penculikan murid Tahun 3 SKK SK St Anne Labuan, selepas waktu kokurikulum, Rabu lalu.

Encik Raisin Saidin juga mahu Pengetua dan Guru Besar serta guru-guru mengingatkan murid-murid supaya

mengelakkan diri daripada duduk bersendirian ketika menunggu ibu bapa.

Pada masa sama, Encik Raisin Saidin meminta ibu bapa supaya dapat mengambil anak-anak mereka yang pulang ke sekolah pada masa yang sesuai bagi mengelakkan anak-anak menunggu lama.

“Pemandu-pemandu bas sekolah juga boleh memainkan peranan mereka memerhatikan kereta-kereta persendirian yang mencurigakan berada di kawasan luar sekolah pada masa murid-murid balik dari sekolah”, katanya.

Tambah Encik Raisin Saidin, pihak sekolah juga boleh menjadualkan Pegawai Perhubungan Sekolah PDRM berada di sekolah ketika murid-murid balik dari sekolah.

Sementara itu, beliau berkata pihak sekolah boleh merujuk pekeliling-pekeliling berkaitan langkah memastikan keselamatan murid di sekolah iaitu SPI Bil 8/1999 Keselamatan diri murid dalam perjalanan pergi dan balik sekolah dan SPI Bil 8 Tahun 2011 Pengurusan Keselamatan Murid Di Sekolah.

Encik Raisin Saidin meminta kerjasama semua pihak termasuk komuniti, Badan Bukan Kerajaan (NGO), JKKK dan Majlis Permuafakatan Penduduk (MPP) agar memainkan peranan masing-masing dalam membantu menangani keselamatan anak-anak terutama ketika balik dari sekolah.

“Ibu bapa perlu sentiasa menasihati anak-anak mereka supaya tidak mudah terpengaruh dengan individu yang tidak dikenali apatah lagi dalam keadaan mencurigakan di luar kawasan sekolah” katanya.

Sumbangan Warga Prihatin



9 Februari 2017 – Sumbangan warga prihatin kepada En Tua Gara, PKP SK Pekan Dua yang telah ditimpa musibah. Rumah beliau telah terbakar pada waktu pagi 8hb Februari. Setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua warga pendidikan yang prihatin di atas bantuan dari segi wang ringgit, pakaian dan tenaga kerja. Semoga En Tua Gara tabah menghadapi dugaan ini.



**Repsol Oil & Gas Malaysia
Limited Bantu Murid Dari**

Golongan Komuniti Nelayan



8 Februari 2017 – Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak Repsol Oil & Gas Malaysia Limited di atas usaha murni memberi sumbangan dalam bentuk wang ringgit kepada murid-murid sekolah dari golongan komuniti nelayan berpendapatan rendah di Wilayah Persekutuan Labuan.

Bantuan ini merupakan insentif daripada Repsol Malaysia Limited bagi membantu komuniti di sekitar tempat operasi di luar pantai khususnya kaum nelayan. Demikian ucapan daripada Pengarah Pendidikan, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Encik Raisin Saidin.

Majlis anugerah motivasi bagi murid-murid UPSR dan PT3 Tahun 2016 dari golongan komuniti nelayan peringkat Wilayah Persekutuan Labuan ini telah disempurnakan oleh Encik Farid Jaafar, Pengurus Besar Kanan Jabatan Perhubungan dan Hal Ehwal Kerajaan dan Komuniti, Repsol Oil & Gas Malaysia Limited.

Seramai 50 orang murid daripada 10 buah sekolah terlibat

menerima bantuan tersebut iaitu SMK Lajau, SMK Pantai, SK Lubok Temiang, SK Patau-Patau, SKK SK Ranza-Ranza, SK Bebuloh, SK Layang-Layangan, SK Sungai Lada, SK Tanjung Aru dan SK Pantai. Sasaran penerima bantuan wang ini adalah kepada murid Tingkatan 3 dan murid Tahun 6 yang cemerlang dan berasal dari golongan komuniti nelayan pada tahun 2016.

Menurut En Farid, mereka yang terpilih merupakan murid yang bukan sahaja cemerlang dalam peperiksaan UPSR dan PT3, tetapi juga aktif dalam penglibatan kokurikulum di sekolah masing-masing.

Turut sama hadir pada majlis tersebut adalah Ketua-Ketua Sektor, Pengetua dan Guru Besar, Pegawai-Pegawai Repsol dan Pegawai-Pegawai Jabatan Pendidikan WP Labuan.

**Seramai 109 Warga
Pendidikan WP Labuan
Menerima Surat Kenaikan
Pangkat**



7 Februari 2017 – Seramai 109 warga pendidikan di Wilayah Persekutuan Labuan telah menerima Surat Kenaikan Pangkat yang telah disampaikan oleh Pengarah Pendidikan Jabatan Pendidikan WP Labuan, Encik Raisin Saidin bertempat di dewan SJK(C) Chi Wen.

Beliau menzahirkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada semua warga pendidikan yang sentiasa bersungguh-sungguh tanpa mengira samada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan maupun Pegawai Kumpulan Pelaksana, sama-sama menjadi pemangkin kejayaan pendidikan di Wilayah Persekutuan Labuan.

Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang dikenali umum sebagai Guru, adalah insan yang paling dekat dengan murid. Insan yang sebenarnya penyumbang utama dalam mendidik dan membangunkan manusia sebagai modal insan yang berjaya dari pelbagai aspek, samada inteleknya, jasmaninya, rohaninya, sahsiahnya maupun emosinya.

Para Pegawai Kumpulan Pelaksana pula adalah pendokong utama dalam memastikan pelaksanaan semua operasi pendidikan berjalan lancar. Samada sebagai Pemandu atau Kerani maupun Pembantu Operasi. Masing-masing mempunyai peranan yang penting dalam kejayaan pengoperasian pengurusan organisasi bagi Jabatan Pendidikan WP Labuan dan sekolah.

*"Saya menyeru semua penerima surat kenaikan pangkat hari ini dan semua hadirin yang bersama dalam majlis yang bermakna ini, supaya sentiasa menyedari tanggungjawab kita semua untuk memastikan kita menyumbang kepada faedah anak-anak kita khasnya dan generasi penerus yang dididik di WP Labuan. Kita semua accountable untuk bersama dalam memberi perhatian, kasih sayang dan bertanggungjawab dalam mencorakkan masa depan generasi Anak Malaysia yang lebih bermakna",
Encik Raisin Saidin.*



Memartabatkan Roh PdPc Abad ke-21



7 Februari 2017 – Memartabatkan Roh PdPc Abad ke 21, begitulah tema Perhimpunan Bulanan JPWPL bagi bulan Februari 2017. Tema ini diilhamkan dan telah diumumkan sendiri oleh Pengarah Pendidikan, Jabatan Pendidikan WP Labuan, Encik Raisin bin Saidin.

Beliau berkata, betapa pentingnya keberhasilan pendidikan yang diterjemahkan dengan pembangunan insan yang berkualiti merupakan sandaran negara ke arah negara maju.

Amanah ini merupakan tanggungjawab besar yang perlu dihayati oleh semua warga pendidikan terutama guru-guru di bilik darjah. Peranan dan komitmen guru amat diperlukan dan malah tugas menjadi sangat mencabar dengan keperluan pembelajaran Abad ke-21. Encik Raisin Saidin.

Guru yang berkualiti dan bersedia menghadapi cabaran menjadi sandaran Kementerian Pendidikan untuk merealisasikan transformasi pendidikan negara seperti dihasrat melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025.

Sesuai dengan tema bulanan pada perhimpunan ini iaitu Memartabatkan Roh PdPc Abad ke 21, Cikgu Nazrin Ismail dari SMK Labuan telah dianugerahkan Guru Tauladan bagi amalan PdPc abad ke 21 bagi bulan Februari 2017.

Antara inovasi beliau yang pernah memenangi anugerah adalah inovasi Alat Bantu Mengajar *i-Line Board* yang membantu murid meningkatkan kemahiran menghasilkan pelbagai garisan dalam tajuk lukisan teknik.

Anugerah ini diberikan kepada guru yang banyak menyumbang bakti dalam amalan PdPc abad ke 21 di dalam bilik darjah seterusnya menggalakkan semua guru untuk mempelbagaikan kaedah PdPc yang pada masa ini lebih berkonsepkan pembimbing dan pemudah cara kepada murid berasaskan amalan PdPc abad ke 21.

Encik Raisin juga mengingatkan pegawai jabatan dan pentadbir sekolah sentiasa membangunkan strategi, kerja berpasukan, mengambil tindakan *follow up dan follow through* bagi mencapai matlamat yang disasarkan.

Perhimpunan bulanan bagi bulan Februari ini diserikan lagi dengan majlis penyampaian sijil anugerah kecemerlangan kepada pihak sekolah, *staff of the month* dan meraikan sambutan hari lahir kepada kakitangan jabatan serta sekolah yang lahir pada bulan Februari.

Jom Ke Sekolah Membantu Sahsiah Murid



6 Februari 2017 – Majlis pelancaran Program Jom Ke Sekolah Peringkat Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan telah diadakan bertempat di Dewan SMK Labuan.

Semua sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia melancarkan program ini secara serentak pada 5 dan 6hb Februari 2017. Ianya adalah kolaborasi di antara KPM dan PDRM melalui Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) yang bertujuan menangani permasalahan disiplin dan salah laku pelajar.

Dalam ucapan Pengarah Pendidikan WP Labuan, Encik Raisin bin Saidin berkata, pemuafakatan bersama PDRM, komuniti, ibu bapa dengan pihak sekolah akan dapat mempertingkatkan minat murid untuk hadir ke sekolah.

Kementerian Pendidikan telah melaksanakan pelbagai inisiatif termasuk penerapan elemen pembelajaran menyeronokkan bagi memastikan murid-murid gembira ke sekolah sekaligus dapat melahirkan insan yang seimbang dan harmoni merangkumi aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani.

KPM berusaha membentuk ekosistem pembelajaran abad ke 21 bagi memastikan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan tercapai melalui budaya sekolah, prasarana, pelibatan ibu

bapa dan komuniti, guru yang profesional serta proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

Pentadbir sekolah yang berkesan akan berupaya menghasilkan pembelajaran yang kondusif, menyeronokkan, memberi aspirasi dan inspirasi kepada murid untuk datang ke sekolah setiap hari dengan perasaan gembira dan seronok untuk belajar, Encik Raisin Saidin.

ACP Abdul Razak Bin Hassan, Timbalan Ketua Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti, IPK Sabah berkata, PDRM amat prihatin tentang permasalahan sosial dan salah laku jenayah dalam kalangan generasi muda, khususnya yang melibatkan pelajar-pelajar sekolah.

Sehubungan dengan itu, PDRM sentiasa memantau pelajar-pelajar yang terlibat dengan salah laku disiplin, lebih-lebih lagi yang menyumbang kepada perlakuan jenayah. Kerjasama rapat antara pihak sekolah dengan PDRM dilihat berupaya membendung salah laku ini daripada berleluasa.



Dalam menyokong usaha ini, Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) dari kalangan pegawai dan anggota polis dilantik

bagi setiap sekolah, bertujuan mewujudkan komunikasi berterusan antara PDRM dan pihak sekolah ke arah meningkatkan kesedaran terhadap jenis perlakuan jenayah yang berubah-ubah mengikut persekitaran sosial sesebuah sekolah.

PPS turut memainkan peranan dalam membantu mewujudkan suasana sekolah yang selamat, sebagaimana yang telah digariskan dalam Buku Panduan Pengawai Perhubungan Sekolah (PPS).

Antaranya termasuklah mengumpul maklumat daripada sekolah untuk diambil tindakan jika perlu, melakukan rondaan berjadual di kawasan sekolah dan memberikan ceramah berkaitan dengan hal-hal keselamatan kepada warga sekolah.

Bersempena pelancaran Program Jom Ke Sekolah ini, KPM telah mengambil inisiatif iaitu menggalakkan sekolah menyediakan saluran aduan berkenaan isu dan masalah disiplin pelajar melalui Peti Aduan Disiplin Murid.

Menerusi peti aduan diharapkan semua murid dapat menyalurkan maklumat yang diperolehi berkaitan salah laku yang berlaku sama ada di dalam atau di luar sekolah kepada pihak berkuasa.



500 guru hadiri Majlis Perutusan Tahun Baharu 2017



21 Jan 2017 – Hampir 500 warga guru telah menghadiri

Majlis Perutusan Tahun Baharu 2017 , Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan yang diadakan di dewan Sekolah Antarabangsa Labuan (LIS).

Pengarah Jabatan Pendidikan W.P Labuan, Encik Raisin Saidin menyampaikan amanat dan perutusan Tahun Baharu 2017 serta sedutan Menteri Pendidikan Datuk Seri Mahdzir Khalid dan ucapan Ahli Parlimen Labuan Datuk Rozman Isli.

Sambil mengucapkan terima kasih atas kehadiran tetamu termasuk pesara guru, Encik Raisin Saidin meminta semua pihak khususnya ibu bapa dan komuniti sentiasa berkerjasama dan berganding bahu dengan pihak jabatan dan sekolah untuk mencemerlangkan pendidikan anak-anak di sekolah rendah dan menengah di Wilayah Persekutuan Labuan.

Katanya komitmen semua pihak termasuk jabatan dan agensi kerajaan serta swasta dan pemimpin masyarakat dalam memastikan kecemerlangan pendidikan di Labuan amat diperlukan kerana kejayaan anak-anak merupakan milik semua warga Wilayah Persekutuan Labuan.

Beliau juga berharap ibu bapa akan terus memainkan peranan utama mereka menerusi PIBG membantu pihak sekolah menjayakan pelbagai program khususnya yang berkaitan dengan akademik.

Turut hadir Ahli Dewan Negara, Senator Datuk Yunus Kurus, Ketua Sektor Pengurusan Sekolah Maimoon Matnoh selaku pengerusi pengelola dan Pengerusi Dewan Usahawan Melayu Labuan (DUML) Dato' Sri Mohd Alias Abd Rahman.

Majlis yang bermula jam 8 pagi itu dimeriahkan dengan persembahan koir lagu-lagu patriotik yang disampaikan oleh SMK Labuan dan bacaan lafaz ikrar Perkhidmatan Awam dan Rukun Negara yang diketuai oleh Pengetua SMK Ranche-Ranche Omar Baki Matusin.

Turut diadakan penyampaian Anugerah Tokoh Teladan Integriti kepada empat penerima yang terdiri daripada pegawai, pengetua dan ibu bapa cemerlang.



Ustaz Roslan Mohamed – Jasamu Sentiasa Dikenang

Raut wajah damai dan tenang
Tiada terkalam kasih dijunjung
Jasa baktimu tetap dikenang
Budi baikmu tetap disanjung

Ayam rintik di pinggir hutan
Nampak dari tepi telaga
Nama yang baik jadi ingatan
Seribu tahun terkenang juga

Selamat Bersara - Ustaz Roslan bin Mohamed



6 Januari – Jasamu sentiasa dikenang sebagai pendidik anak bangsa (1978-2017). Persaraan Ustaz Roslan bin Mohamed pada 5hb Januari 2017. Sedikit biodata mengenai ustaz Roslan :

Roslan dilahirkan di Kampung Relong, Kuala Lipis, Pahang pada 6 Januari 1957 merupakan anak ke-7 daripada 11 adik-beradik.

Beliau mendapat pendidikan awal di SK Relong, Kuala Lipis (1964-1969), Sekolah Menengah Ugama Padang Tungku, Kuala Lipis(1970-1975) sebelum melanjutkan pendidikan di Sekolah Tinggi Ugama Sultan Abu Bakar, Pekan Pahang (1976-1977).

Bertugas sebagai guru sementara di SM St Patrick Membakut, Sabah (1978-1991) dan SK Kerupang, Wilayah Persekutuan Labuan (1991-2011).

Pada 1 Mac 2011, beliau dilantik sebagai Penyelia Unit Pendidikan Islam di Jabatan Pendidikan Negeri Labuan.

Beliau dilantik pula sebagai Ketua Unit Pendidikan Islam di Jabatan Pendidikan Negeri Labuan pada 23 September 2013 sehingga bersara wajib pada 6 Januari lalu.

Roslan mendapat Latihan Kursus Dalam Cuti (KDC) ambilan 1989/1991 di Maktab Perguruan Gaya, Kota Kinabalu dengan Pangkat Cemerlang.

Pada tahun 1999 dan 2014, beliau menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC).

Antara jawatan yang pernah beliau sandang ialah Pengerusi Tabika Perpaduan Kg Durian Tunjong selama dua penggal (2000-2001 dan 2001-2002), Ketua Biro Pelajaran Masjid Al Mutakkin Kerupang 2 selama lima tahun (2005-2010), imam dan khatib jemputan Masjid Al Mutakkin, Masjid Kg Durian Tunjong dan Masjid Kg Tg Aru, dan Setiausaha Pertubuhan Kegiatan Dakwah Islamiah Sekolah- Sekolah (Pekdis) Malaysia Cawangan Labuan (2011-2016).

Roslan mendirikan rumah tangga dengan Rajima Daud pada 25 Disember 1982 dan dikurniakan 4 cahaya mata – dua lelaki dan dua perempuan. Kini mempunyai tiga menantu dan tiga cucu.

“Setelah bersara, saya akan menumpukan sepenuh masa membantu keluarga dalam bidang perniagaan perabot jati,” katanya.



KAU YANG KUKENAL

Wajah tenang
Pada bicara sopanmu
Pada perkongsian rencah rohani pada budimu
Penjawat setia bertahun
Menabur bakti kepada
Masyarkat sepulau kasih
Pada kata-kata kecindan
Lucumu menghiburkan
Tak lokek senyuman
Kita terus bersahabat
Pada jalinan kasihmu
Tertumpah cinta pulau bertuah
Menyambung perjalanan
Kehidupan ke sebelah sana
Terima kasih Tuan
Nanti kami singgah
Sekali-sekala Ima Jati
Jadi ingatan kenangan
Perantauan 1978 ke 2017
Pulangkah Pahang Darul Makmur rindumu bertahta
Bilakah?

Doamu pada Tahajut dan Duhamu
Kami juga setulus doa
Kebahagiaan sekeluargamu
Duniawi dan ukhrawi....

SAMSA HARRIS

Dedikasi khas untuk Ustaz Roslan Mohamed